

TEORI DAN MODEL BERKENAAN DENGAN GAYA PEMBELAJARAN

Azizi Bin Yahaya & Nurfaizah Binti Abd Majid
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Budaya formal sekolah yang berkesan akan mewujudkan suasana yang menarik serta merangsangkan pengajaran dan pembelajaran. Suasana seperti inilah yang meningkatkan motivasi pelajar untuk pergi ke sekolah dan seterusnya memberi kesan kepada pencapaian akademik pelajar. gaya pembelajaran mempunyai beberapa faktor yang mempengaruhinya. Kelima-lima faktor tersebut ialah faktor emosi, faktor persekitaran, faktor fisiologi, faktor psikologi dan faktor sosiologi.

Katakunci: budaya formal, faktor fisiologi, faktor psikologi, faktor sosiologi

Pengenalan

Pembelajaran bermaksud perubahan tingkah laku, atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan oleh proses pertumbuhan. Menurut Shahabuddin dan Rohizani (2004), gaya pembelajaran pula merujuk pada seseorang itu belajar atau menyimpan maklumat. Gaya belajar yang diamalkan oleh seseorang individu adalah untuk memproses maklumat dan menyelesaikan masalah yang timbul (Entwistle, 1981). Menurut Gregorc (1982) yang dipetik oleh Cynthia (1996), menyatakan bahawa setiap individu mempunyai gaya pembelajaran tersendiri. Beliau mencipta suatu model yang menekankan tentang cara kita berfikir dan memahami sesuatu informasi.

Satu kajian telah dijalankan oleh Gardner (1983) yang dipetik oleh Maznah dan Ahmad (2001), mengenai teori kognitif di Universiti Harvard telah memperkenalkan model kecerdasan yang pelbagai jenis. Mengikut model Gardner (1983), kecerdasan seseorang boleh dipelajari, dikembang dan dipertingkatkan. Kesembilan kecerdasan tersebut ialah:

- i. Kecerdasan verbal-linguistik
- ii. Kecerdasan logik- matematik
- iii. Kecerdasan ruang-visual
- iv. Kecerdasan kinestetik
- v. Kecerdasan interpersonal
- vi. Kecerdasan intrapersonal
- vii. Kecerdasan naturalis
- viii. Kecerdasan beretika

1. Teori Gaya Pembelajaran Kolb (1984)

Antara konsep utama teori gaya pembelajaran Kolb (1984), adalah pembelajaran dianggap sebagai proses yang holistik dan tidak ada titik hujungnya. Proses pembelajaran akan menunjukkan dengan jelasnya cara-cara bagaimana pengetahuan diperolehi dan dicipta melalui interaksi seseorang itu dengan persekitarannya.

Model ini mengkategorikan pelajar atau seseorang individu kepada dua bentuk kecenderungan iaitu pertama; pengalaman konkrit, atau konseptualisasi abstrak iaitu bagaimana seseorang pelajar

mengaplikasikan informasi dan kedua pengkajian aktif atau pemerhatian reflektif iaitu bagaimana seseorang pelajar memahami informasi. Bagi menjelaskan kecenderungan-kecenderungan tersebut, berikut disenaraikan dengan lengkap mengikut jenis-jenis gaya tersebut.

i. Gaya Konkrit dan Refleksif

Bentuk soalan yang bersesuaian dengan pelajar yang mempunyai gaya ini ialah yang bermula dengan perkataan 'kenapa'. Para pelajar yang mempunyai gaya ini memberi tindak balas yang positif jika isi kandungan pelajaran yang disampaikan berkaitan dengan minat, pengalaman dan karier pada masa depan mereka.

ii. Gaya Abstrak dan Refleksi

Bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar yang mempunyai gaya ini ialah bermula dengan 'apa'. Para pelajar dalam kategori ini bertindak secara optimum kepada seni pengajaran dan pembelajaran yang dipersembahkan secara sistematik dan logik. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan apabila pelajar diberi peluang membuat refleksi.

iii. Gaya Abstrak dan Aktif

Bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar gaya ini ialah bermula dengan gaya 'bagaimana'. Mereka sentiasa memberikan kerjasama dan berusaha menyelesaikan setiap masalah yang dikemukakan kepada mereka. Proses penyelesaian masalah ini menjadi lebih mudah apabila guru memberikan panduan dan bimbingan secara teratur.

iv. Gaya Konkrit dan Aktif

Bentuk persoalan yang bertepatan dengan pelajar ini ialah 'bagaimana jika'. Para pelajar dalam kumpulan ini gemar mengaplikasikan informasi-informasi atau maklumat-maklumat yang dipelajari ke dalam situasi baru. Terutamanya dalam konteks menyelesaikan sesuatu masalah yang sebenar. Dalam proses pembelajaran guru bertindak sebagai pemerhati. Model ini juga mengelaskan gaya pembelajaran sebagai Diverger, Asmilator, Konverger dan Akomodator.

2. Teori Gaya Pembelajaran Filder dan Silverman (1988)

Teori gaya pembelajaran Filder dan Silverman (1988) yang dipetik oleh Shahabuddin dan Rohizani (2004), mengaplikasikan pelajar kepada beberapa gaya tertentu.

i. Pelajar Perasa dan Pelajar Pemikir

Pelajar perasa iaitu pelajar yang konkrit, praktikel, berorientasikan prosedur atau fakta, atau pelajar pemikir iaitu pelajar yang berinovatif, konseptual, berorientasikan teori dan fakta.

ii. Pelajar Visual dan Pelajar Verbal

Pelajar visual iaitu pelajar-pelajar yang lebih berminat kepada penerangan yang disertai bahan-bahan bergambar atau pelajar verbal yang lebih berminat kepada penerangan bertulis dan lisan.

iii. Pelajar Induktif dan Pelajar Deduktif

Pelajar induktif iaitu pelajar yang menstrukturkan idea daripada spesifik kepada umum, atau pelajar deduktif iaitu menstrukturkan idea daripada umum kepada spesifik.

iv. Pelajar Aktif dan Pelajar Reflektif

Pelajar aktif iaitu pelajar gemar belajar dan mencuba semua perkara dan suka bekerja dengan orang lain, atau pelajar reflektif iaitu pelajar yang gemar belajar dengan cara memikirkan semua perkara secara bersendirian ataupun tidak melibatkan orang lain.

3. Model Gaya Pembelajaran (VAK), Barbe (1987)

Peneliti gaya belajar, Barbe dan (1987) yang dipetik Oleh Cyntia (1996) menghadirkan tiga mod persepsi indera (cara mengingat) yang digunakan untuk mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar. Ini disebut sebagai modalitas. Modalitas yang paling mudah dikenal pasti iaitu visual, auditori dan kinestetik (VAK). Model ini digunakan sebagai model kajian.

i. Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Visual

Pelajar belajar dengan melihat dan mengamati, menggunakan asosiasi visual yang kuat. Jika cara belajar visual sangat kuat, pelajar mungkin seringkali mencuba mengambarkan dalam pemikirannya apa yang sedang dipelajarinya. Secara umumnya, pelajar visual terbahagi kepada dua jenis iaitu visual-verbal dan visualbukan verbal.

ii. Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Auditori

Pelajar belajar dengan mendengarkan kepada intruksi verbal; mengingat dengan membentuk suara-suara dari kata-kata. Jika mempunyai cara belajar auditori, tidak bererti bahawa pelajar itu hanya perlu mendengar maklumat sekali sahaja untuk mengingatnya. Maka dalam sesuatu situasi, pelajar auditori perlu mendengar untuk dirinya sendiri mengatakannya supaya secara efektif dapat memasukkan maklumat yang ingin diingati ke dalam ingatannya.

iii. Gaya Pembelajaran Berdasarkan Dari Aspek Kinestetik

Pelajar belajar dengan terlibat secara fizikal dan mengerjakan sesuatu dengan apa yang sedang dipelajari. Pelajar kinestetik belajar dengan lebih baik melalui pengalaman dan mengambil bahagian secara fizikal dalam aktiviti bilik darjah.

Penutup

Cynthia Ulrich Tobias (1996). *The Way They Learn*. Colorado: Focus On The Family.

Entwistle, Harold (1981). *Styles of Learning and Teaching*. New York: John Wiley and Sons.

Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experiences As a Source Of Learning and Development*. New Jersey: Prentice Hall.

Shahabuddin Hashim dan Dr Rohizani Yaakub (2004). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publication Sdn Bhd.